



JIWA Abdullah (dua dari kiri) menerima wang sumbangan untuk Tabung Gaza daripada Razali Hasan sempena majlis penyerahan sumbangan berkenaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, baru-baru ini.

Wujudkan tabung bantu rakyat Palestin

JOHOR BAHRU 1 Jan. - Prihatin terhadap kesengsaraan yang ditanggung rakyat Palestin, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mewujudkan tabung bagi mengutip sumbangan untuk membantu mereka yang memerlukan di sana.

Dalam tempoh dua minggu, sebanyak RM3,786 berjaya dikumpul dan diserahkan kepada wakil Aqsa Sharif UTHM, Prof. Madya Dr. Jiwa Abdullah dalam satu majlis sempena penutupan Program Bicara Ilmu Kajian Tindakan yang diadakan baru-baru ini.

Pengerusi Kutipan Tabung Gaza, We Care! peringkat FPTV, Nornizam Jamal berkata, seluruh warga fakulti menyambut baik usaha yang dilakukan oleh tenaga kerjanya dengan memberi sumbangan seikhlas masing-masing.

"Wang sumbangan tersebut berjaya dikumpul dalam masa dua minggu selepas pelancaran tabung dibuat. Justeru, saya mewakili pihak fakulti ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan yang diberikan oleh para pensyarah dan penuntut. Semoga program ini dapat membantu saudara-saudara di Aqsa yang sangat memerlukan," katanya.

Sumbangan tersebut diserahkan Dekan FPTV, Dr. Razali Hasan kepada Jiwa di Bilik Seminar FPTV. Turut hadir Penolong Pengarah, Unit Penyelidikan Makro, Bahagian Pembangunan dan Pendidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran, Dr. Roslee Ibrahim.

Nornizam berkata, Aqsa Sharif merupakan sebuah organisasi sukarelawan yang bertindak menyebarkan maklumat, menyalurkan bantuan kewangan dan kemanusiaan

serta menyumbang tenaga dan fikiran untuk kebaikan Palestin dan dunia secara amnya.

"Pelbagai program dan projek telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Aqsa Syarif antaranya memberi bantuan kemanusiaan melalui penghantaran bekalan makanan, perubatan dan keperluan pendidikan," katanya.

Aqsa Syarif berusaha mengumpul dana daripada rakyat dan pelbagai agensi awam dan swasta di Malaysia untuk disalurkan kepada rakyat di bumi Palestin dan di kem-kem sementara di luar negara seperti di Beirut, Jordan dan Syria.

Antara misi dan projek yang sedang dilaksanakan ialah AQSA2Gaza Emergency Relief-Selamatkan Kanak-kanak Gaza, Malaysian-Palestinian Village Industry (MyPVI) dan Projek Penajaan Keluarga Miskin dan Anak Yatim Palestin.